

Polis terima 867 laporan kes hina agama lain

BH 20/4/19

Kuala Lumpur: Sebanyak 867 laporan polis dibuat di seluruh negara berhubung satu klip video yang dianggap mengandungi unsur penghinaan terhadap agama Hindu oleh seorang penceramah bebas yang dikaitkan dengan tokoh pendakwah terkenal dari India, Zakir Naik.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun, berkata pihak polis sedang meneliti semua laporan yang dibuat berhubung kenyataan pendakwah bebas berusia 34 tahun itu yang didakwa berbaur penghinaan.

“Pada masa ini kes berkenaan akan diasas oleh pihak Bukit Aman selepas pendakwah itu ditahan di Arau, Perlis dan dibawa ke sini.

“Setakat pagi ini (11.30 pagi) saya dimaklumkan sebanyak 867 laporan polis dibuat oleh pelbagai pihak terhadap pendakwah itu yang kini masih dalam tempoh reman dan kita juga tidak menolak kemungkinan laporan polis akan meningkat,” katanya pada sidang media selepas Majlis Perasmian Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Brickfields, di sini, semalam.

Kesan pemilik akaun laman sosial

Beliau berkata, pihaknya sedang menjalankan siasatan lanjut bagi mengesan pemilik akaun laman sosial YouTube, Info Sunnah Kelantan, selepas memuat naik video penceramah berkenaan.

“Pada masa ini kami sedang bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (SKMM) bagi mengesan pemilik video berkenaan bagi membantu siasatan,” katanya.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 298A Kanun Keseksaan iaitu alasan agama, menyebabkan suasana tidak harmoni, perpecahan atau permusuhan, benci membenci atau niat jahat atau memudaratkan pemeliharaan keharmonian atau perpaduan.

Mohamad Fuzi turut menasihatkan orang ramai untuk tidak menyalahgunakan media sosial atau sebarang rangkaian komunikasi untuk memuat naik atau berkongsi sebarang bentuk elemen provokasi yang boleh mencetuskan ketegangan kaum dalam kalangan masyarakat berbilang agama dan bangsa di negara ini.

Suspek yang juga pengerusi sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ditahan pada jam 2.30 pagi di hadapan sebuah restoran di Arau, selepas selesai menghadiri satu program debat atau diskusi agama anjuran NGO miliknya di sebuah institusi pengajian negeri di negeri itu.

Suspek yang juga pemimpin pertubuhan berkaitan tabligh dikatakan mempunyai beberapa rekod jenayah lampau.



Kami sedang bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (SKMM) bagi mengesan pemilik video itu bagi membantu siasatan”

Mohamad Fuzi Harun,

Ketua Polis Negara